



## مجلس باندراي ملاك برسجاره

### MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

#### KENYATAAN TAWARAN

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender bagi kerja berikut :

BUTIR-BUTIR TENDER	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT TENDER DITUTUP
<p><b>MBMB/T/2022/24</b></p> <p><b>CADANGAN MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN DI JALAN PUTRI HANG LI PO, MELAKA.</b></p> <p><b>Tarikh Kelulusan : 9/11/2022</b></p> <p><b>MBMB/JK/00002/353(L)</b></p>	<p><b>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</b></p> <p>Gred G4</p> <p>Kategori CE</p> <p>Pengkhususan CE21</p>	<p><b>HARGA</b></p> <p><b>RM50.00</b> * Tidak akan dikembalikan</p> <p><b>TARIKH</b></p> <p><b>10 November 2022 (Khamis)</b> sehingga <b>1 Disember 2022 (Khamis)</b></p>	<p><b>TIADA</b></p> <p>*(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri)</p>	<p><b>TARIKH</b></p> <p><b>1 Disember 2022 (Khamis)</b> <b>pada jam 12.00 tengahari</b></p> <p>Serahan tangan : Peti Tawaran Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p> <p>-----</p> <p>Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.</p>

Naskah tender serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my> Tender dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen tender secara dalam talian dengan harga RM50.00 bermula pada **10 November 2022 (Khamis)** sehingga **1 Disember 2022 (Khamis)**.

Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kawangan)**. Jika tender dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,  
**DATUK BANDAR**  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam